

## JENIS EMAS DAN KESANNYA TERHADAP PENENTUAN TRANSAKSI *RIBAWIY* MENURUT BERBAGAI MAZHAB

Muhammad Salihan Bin Samra<sup>1</sup>  
Azme Matali<sup>2</sup>

### Abstrak

Kajian ini mengkaji perniagaan jual beli emas yang telah ditentukan oleh syarak. Pengkaji akan mengambil pendapat Mazhab Syafi’i sebagai pendapat yang utama dan mengambil pendapat mazhab lain sebagai perbincangan di dalam kajian. Emas termasuk di dalam *mal ribawiyah* dan hukum jual beli emas menjadi haram riba jika tidak mengikut syarat-syarat yang di tentukan iaitu *mumathalah*, *hulul* dan *taqabbudh*. Permasalahan kajian utama ialah hukum di dalam jual beli emas mengikut jenisnya. Kajian ini akan mendefinisikan emas dan jual beli di dalam hukum Islam serta syarat-syaratnya. Metod penyelidikan dalam menjalan kajian ini ialah kajian perpustakaan. Pengkaji mendapati perbezaan hukum di dalam transaksi jual beli mengikut jenis emas. Hasil kajian ini akan menjadi rujukan pengguna untuk memahami konsep jual beli dan riba di dalam agama Islam.

**Kata kunci:** Jenis Emas - Jual Beli – Transaksi Ribawi – Mazhab Syafi’i

---

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana Puast Penyelidikan Mazhab Syafi’i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Email: [salihansamra@gmail.com](mailto:salihansamra@gmail.com)

<sup>2</sup> Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi’i dan Penolong Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

## PENDAHULUAN

Perniagaan merupakan salah satu metod di dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berdaya tahan. Aktiviti perniagaan bukan satu amalan yang baru, bahkan sebelum datangnya agama Islam, perniagaan menjadi sumber bagi dapatan dan menjadi satu perkerjaan bangsa Quraish yang utama disebabkan menghasilkan keuntungan yang lumayan. Hatta, Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasalam* berkecimpung di dalam dunia perniagaan sejak berumur 12 tahun selepas menjadi pengembala kambing. Bapa saudara baginda iaitu Abu Thalib membawa baginda ke negeri Syam untuk menjalankan perniagaan. (Mahmud Syakir 2000M/1421H, j2: 37)

Sebelum Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasalam* diutus menjadi rasul, tidak ada batasan di dalam membuat sebarang perniagaan. Dan ketika baginda diutus, baginda menyampaikan cara dan kaedah menjalankan perniagaan sepertimana yang disyariatkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Salah satu amalan yang dijalankan oleh bangsa Arab ketika itu ialah perniagaan jual beli yang berunsur riba. Perniagaan jual beli riba boleh menjana keuntungan yang banyak akan tetapi memudaratkan pihak lain. Sebelum menjelaskan terlebih lanjut tentang riba, jual beli yang jatuh riba hanya berlaku di dalam barangan yang disebutkan *mal ribawiyah*. *Mal ribawiyah* mempunyai 6 jenis barangan sepertimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasalam*:

(عن عبادة بن الصامت قال : قال رسول الله صلى الله عليه والسلام: الذهب بالذهب، والفضة بالفضة، والبر بالبر، والشعير بالشعير، والتمر بالتمر، والملح بالملح، مثلاً بمثل، سواء بسواء، يدا بيد، فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم إذا كان يدا بيد) رواه مسلم.

(Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani 2004M/1425H, 153: No. 711/4)

Maksudnya: dari *Úbadah bin ash-Shamit Radiallahu 'Anhu*, Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasalam* bersabda "Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam, serupa dengan serupa, sama dengan sama (serupa atau sama jumlah dan jenisnya), tunai dengan tunai (tidak bertangguh keduanya). Adapun jika

*berlainan jenis-jenis ini (seperti emas dengan perak atau kurma dengan garam) maka berjual belilah kamu sebagaimana kamu mahu jika ia langsung (lani) dengan langsung (lani)”.*

-Riwayat Muslim-

Emas, perak, gandum, barli, kurma dan garam adalah 6 jenis *mal ribawiyah* yang disebutkan di dalam hadis di atas. Dengan itu, di dalam kajian ini, pengkaji ingin meneliti salah satu dari 6 jenis *mal ribawiyah* tersebut iaitu emas dan objektif kajian ini ialah meneliti ketetapan emas di dalam hadis tersebut serta menjelaskan hukumnya mengikut syarak.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Untuk menghasilkan dapatan kajian ini, pengkaji menggunakan metode kajian perpustakaan iaitu dengan menjadikan buku, artikel dan jurnal sebagai sumber dapatan yang utama. Penilaian di dalam kajian ini berbentuk kualitatif iaitu analisis dokumen selepas mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan. Di dalam pembahasan hukum, al-Quran dan Hadith menjadi sandaran utama mengikut pendapat Mazhab Syafi’i di dalam mengeluarkan hukum serta pembahasannya, akan tetapi pendapat mazhab jumhur juga akan dinukilkan bagi memperkembangkan pengetahuan di dalam khilaf umat.

## **PERBAHASAN DAPATAN KAJIAN**

### **Definisi**

Kata kunci yang menjadi fokus utama di dalam kajian ini ialah emas dan jual beli. Maka sebelum melanjutkan perbahasan lebih lanjut, pengkaji akan menjelaskan pengertian emas dan jual beli terlebih dahulu.

Di dalam Kamus Dewan, perkataan “emas” ialah sejenis logam berwarna kuning yang mahal harganya (selalunya dijadikan perhiasan seperti cincin, rantai dan lain-lain), selain itu emas juga merupakan sejenis mata wang (mengandungi 1/16 tahlil emas) dan emas juga dianggap sebagai kiasan sesuatu yang bermutu serta dikatakan sebagai harta dunia. (Noresah 2015, 386-387)

Mengikut syarak emas adalah salah satu barangan yang dinamakan *mal ribawiyah*. Terdapat enam jenis *mal ribawiyah* sepertimana yang telah dijelaskan di dalam pendahuluan kajian ini.

## Jenis Emas

Jenis emas terbahagi kepada dua. Yang pertama ialah mengikut reka bentuknya. Pada lazimnya, emas dibentuk menjadi jongsong yang mempunyai sukatan segi empat tepat dan emas juga dibentuk menjadi syiling yang dikenali dengan dinar. Reka bentuknya berupa bulatan leper. Manakala, emas juga direka menjadi perhiasan yang dikhususkan untuk perempuan kerana di dalam agama Islam, lelaki haram memakai perhiasan emas seperti gelang, rantai, cincin dan sebagainya.

Jenis emas yang kedua ialah mengikut kiraan karat dan jumlah kandungan ketulenan zatnya. Terdapat 8 jenis emas dibawah bahagian ini. Pada lazimnya, kiraan karat terdiri daripada nombor yang ditentukan seperti 24, 22, 21, 20, 18, 14, 10 dan 9<sup>1</sup>.

Emas 24 karat juga dikenali dengan emas 999 atau emas sepuluh. Jenis emas ini mengandungi 99.9 peratus emas. Manakala emas 22 karat mengandungi 91.6 peratus emas dan emas ini sinonim dengan emas 916 atau 917. Jika emas tersebut mengandungi 87.5 peratus emas, jumlah karatnya hanyalah 21 karat dan emas ini disebutkan emas 875. Apabila jumlah kandungan peratus emas berkurang, jumlah karatnya juga berkurang seperti emas yang mengandungi 83.3 peratus emas bersamaan dengan 20 karat sahaja. Emas ini disebutkan emas 833.

Manakala emas 18 karat atau emas 750 mengandungi 75 peratus emas. Apabila karat dikurangkan menjadi 14 karat, kandungan emas menjadi 58.5 peratus. Pengurangan jumlah peratus di dalam emas 14 karat dengan perbezaan 16.8 peratus akan menjadikannya emas 10 karat dengan kandungan 41.7 peratus. Jenis emas karat yang terakhir ialah emas 9 karat atau emas 375 yang mengandungi 37.5 peratus emas. Nama emas yang disebutkan mengikut jumlah kandungan emas yang ada.

Tujuan untuk mengetahui jenis-jenis emas tersebut adalah bagi kesesuaian di dalam menghasilkan sesuatu seperti jongsong emas, syiling emas dan perhiasan emas atau barangan kemas. Dan hanya beberapa jenis emas sahaja yang sesuai untuk dijadikan simpanan

---

<sup>1</sup> <https://www.pelaburanemaspublicgoldmalaysia.com/info-tentang-emas-jenis-ketulenan-dan-kegunaannya/> [03/11/2021]

sebagai investasi jangka masa yang panjang kerana nilainya yang bersifat berkembang.

Perkataan “jual beli” terbina dari dua suku kata iaitu “jual” dan “beli”. “Jual” di dalam bahasa percakapan “berjual” ertinya mencari rezeki (nafkah, pendapatan dan sebagainya) dengan memperniagakan sesuatu, manakala “menjual” bermaksud menukar barang dengan wang (memberi barang untuk mendapat wang). (Noresah 2015, ed4/c7:638) Perkataan “beli” pula, menurut bahasa percakapan “membeli” mempunyai dua pengertian iaitu memperoleh barang dengan membayar (harganya) dan mencapai (memperoleh) sesuatu dengan usaha yang keras (dengan pengorbanan). (Noresah 2015, ed4/c7:155)

Mengikut istilah bahasa, “jual beli” bererti urusan menjual dan membeli barang antara peniaga atau penjual dengan pembeli. (Noresah 2015, ed4/c7:639)

Di dalam Bahasa Arab, perkataan “jual beli” disebutkan dengan *al-bai’* ataupun *al-buyu’*. Mengikut istilah bahasa, *al-bai’* ataupun *al-buyu’* bermaksud pertukaran sesuatu dengan sesuatu (Al-Imam Abi Hamid Muhammad 2007, 258)<sup>1</sup> atau pemberian sesuatu di dalam pertukaran sesuatu<sup>2</sup>.

Manakala pengertian jual beli di dalam syarak ialah pertukaran harta dengan harta dengan aspek yang dikhususkan<sup>3</sup> atau pertukaran harta dengan harta yang keduanya bertukar bagi hak pemilikinya dengan ijab dan qabul yang dizinkan keatasnya<sup>4</sup>.

### **Hukum Jual Beli Emas**

Secara umumnya, asal hukum jual beli adalah harus bersandarkan al-Quran, hadis dan Ijm’a.

---

<sup>1</sup> Lihat juga Shamsiddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib as-Sharbini (2015), *al-Iqn’a*, Maktabah Darul Fajr, Beirut, h. 6.

<sup>2</sup> Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad bin Abdul Mukmin al-Hishni al-Husaini ad-Dimashqi (2015), *Kifayatul Akhyar*, c.4, Darul Minhaj, Beirut, h. 333.

<sup>3</sup> Shamsiddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib as-Sharbini (2015), *al-Iqn’a*, op.cit, h. 6.

<sup>4</sup> Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad bin Abdul Mukmin al-Hishni al-Husaini ad-Dimashqi (2015), *Kifayatul Akhyar*, op.cit, h. 333.

Dalil yang mengharuskan jual beli dari al-Quran, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* telah berfirman;

(يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَأْكُلُوْا اَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبٰطِلِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ تِجْرَةً  
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ...)

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang terjadi atas dasar suka sama suka di antara kamu. (Surah An-Nisa, Ayat: 29)*

(وَاحْلَ اللّٰهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ...)

Maksudnya: *Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. (Surah Al-Baqarah, Ayat: 275)*

Manakala dalil daripada hadis, Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasalam* bersabda;

(عَنْ رِفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ: أَيُّ  
الْكَسْبِ أَطْيَبُ؟

قَالَ: عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ، وَكُلُّ بَيْعٍ مَّبْرُورٍ) رواه البزار، وصححه الحاكم.

(Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani 2004M/1425H, 143: No. 661/1)

Maksudnya: *Daripada Rifa'ah bin Rafi' bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasalam ditanya: "Manakah usaha yang lebih baik? Baginda menjawab: "Kerja yang dilakukan sendiri dan setiap jual beli mabrur".<sup>1</sup>*

<sup>1</sup> <https://www.darulkaustar.net/darulkaustar-net/hadis-online/lanjutan/hadis-sahih/hadis-sahih-tentang-jual-beli-yang-baik-adalah-usaha-yang-paling-terpuji.html> [23/12/2020]

Adapun dalil daripada ijma’, di dalam kitab al-Bayyan fi al-Mazhab al-Imam as-Syafi’i, para ulama telah bersepakat dalam mengharuskan jual beli.<sup>1</sup>

Dengan dalil tersebut, jelaslah hukum jual beli secara umum adalah harus dan digalakkan kerana di dalam jual beli itu ada keberkatan rezeki. Secara tidak langsung, hukum jual beli emas juga dibolehkan.

Akan tetapi, hukum jual beli boleh berubah mengikut syarat-syarat yang disyariatkan. Al-Khatib Sharbini mengatakan jual beli terbahagi kepada tiga. Dua daripada tiga jenis jual beli tersebut hukumnya adalah harus. Jual beli yang nampak dan jual beli tempahan adalah harus. Akan tetapi di dalam jual beli tempahan disyaratkan untuk menerangkan atau menjelaskan sifat barang yang di tempah.

Manakala jual beli yang tidak harus adalah jual beli yang bersifat ghaib (tidak nampak) semasa akad.<sup>2</sup>

Di dalam jual beli emas pula, jika tidak memenuhi syarat yang disyariatkan, maka hukumnya akan menjadi haram dan jatuh riba.

### **Jual Beli Dan Riba**

Jual beli dan riba mempunyai persamaan iaitu di dalam konsep pertukaran. Di dalam firman Allah *Subhanahu Wa Ta’ala*:

(الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا...)

Maksudnya: *Orang-orang yang memakan riba tidak akan dapat bangkit (dari kubur pada hari kiamat) melainkan seperti berdirinya orang-orang yang dirasuk syaitan (dengan keadaan terhuyung-hayang) kerana rasukan (syaitan) itu. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka mengatakan: “Adapun berjual beli itu sama seperti riba” (Padahal) Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. (Surah Al-Baqarah, Ayat: 275)*

<sup>1</sup> Abi al-Hussin Yahya bin Abi al-Khair Salim al-‘Imrani (2014), *al-Bayyan fi al-Mazhab al-Imam as-Syafi’i*, c. 4, jil. 5, Darul Minhaj, Beirut.

<sup>2</sup> Shamsiddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib as-Sharbini (2015), *al-Iqn’a*, op.cit.

Di dalam ayat ini menunjukkan kekeliruan bangsa Arab di dalam konsep amalan jual beli dan riba. Mengikuti tafsir ayat yang dinukilkan oleh Imam Ibnu Kathir, orang musyrik tidak mengetahui dengan ketetapan hukum syarak di dalam jual beli dan mereka bercanggah dengan syarak disebabkan jual beli harus manakala riba haram.<sup>1</sup> Riba mengikuti istilah bahasa membawa maksud tambahan. Mengikuti istilah syarak, riba ialah akad pertukaran yang khusus iaitu berupa duit dan makanan yang tidak diketahui jenisnya di dalam sukatan syarak ketika melakukan majlis akad atau ketika berlakunya pertukaran yang tidak langsung.<sup>2</sup>

Riba terjadi di dalam dua keadaan iaitu riba di dalam jual beli dan riba di dalam pinjaman. Mengikuti jumhur fuqaha, riba di dalam jual beli adalah riba *al-fadhl* dan riba *an-nasiah*, manakala mengikuti mazhab Syafi’i, riba di dalam jual beli terbahagi kepada tiga jenis iaitu riba *al-fadhl*, riba *al-yadi* dan riba *an-nasiah*. (Wahbah az-Zuhaili 2013M/1434H, j4: 473-440) Barangan yang menjadi riba di dalam jual beli hanya berlaku jika melakukan pertukaran *mal ribawiyah*.

### **Syarat Jual Beli Emas**

Rukun jual beli terbahagi kepada tiga iaitu orang yang berakad (*al-‘aqid / al-‘aqidan*), perkara yang diakadkan (*m’aqud ‘alaihi*) dan lafaz (*sighoh*). Setiap rukun ini mempunyai syaratnya yang tertentu untuk memastikan jual beli itu sah atau tidak sah. Penjelasaannya adalah seperti berikut:

#### **1. Orang yang berakad (*al-‘aqid / al-‘aqidan*)**

Maksud orang yang berakad ialah pembeli dan penjual. Di dalam kitab *Minhaj at-Tholibin*, syarat bagi *aqid* ialah *ar-rushdu*.<sup>3</sup> *Ar-rushdu* mengikuti al-Khatib as-Syarbini ialah orang yang disifatkan baligh dan berkebaikan bagi agamanya dan hartanya.<sup>4</sup> Ibn Hajar al-Haitimi menjelaskan *ar-rushdu* ialah orang yang tidak ada halangan dalam

---

<sup>1</sup> Isma’il bin Umar bin Kathir al-Qurashi ad-Damsyiki (2011M/1432H), *Tafsir al-Quran al-‘Azhim*, c. 2, jil. 1, Dar Thoibah, Riyadh, h. 713.

<sup>2</sup> Shamsiddin Muhammad bin Muhammad al-Khatib as-Syarbini (2009), *Mughni al-Muhtaj*, op.cit, h. 533.

<sup>3</sup> Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Syaraf an-Nawawi (2015), *Minhaj at-Tholibin*, c. 3, Darul Minhaj, Beirut, h. 210. Di dalam Bahasa Melayu, *ar-rushdu* ertinya kesedaran, akal sehat, pikiran, petunjuk, hidayah, usia dewasa, baligh

<sup>4</sup> Shamsiddin Muhammad bin Muhammad al-Khatib as-Syarbini (2009), *Mughni al-Muhtaj*, jil. 2, Darul Faiha, Damsyik, h. 496.



membuat segala kebaikan bagi agamanya dan hartanya.<sup>1</sup> Di dalam penjelasan ini, kanak-kanak, orang gila dan orang yang terhalang keatasnya kerana tidak mampu menguruskan dirinya, maka tidak sah akadnya di dalam jual beli.

Mengikut syarat di dalam kitab *al-Muqaddimah al-Hadramiyah*, sah akad jual beli jika orang yang berakad itu baligh, berakal, matang dan sukarela (tidak dipaksa). (Abdullah bin Abdur Rahman Ba Fadhli al-Hadrami 2017, 217) Disyaratkan juga mestilah beragama islam jika melakukan transaksi jual beli seperti mushaf al-quran, kitab-kitab hadis dan sebagainya yang terdapat padanya ayat al-quran atau hadis-hadis. Jika melakukan transaksi jual beli bersama orang yang bukan islam adalah dibenarkan kecuali terhadap orang bukan islam yang berstatus *kafir harbiy* (diperangi) dan yang membawa senjata ataupun yang menunggang kuda perang. Walaubagaimanapun, akad jual beli itu akan berubah menjadi sah dan boleh dijalankan transaksi tersebut jika senjata itu tidak mengundang peperangan.

## 2. Perkara yang diakadkan (*m’aqud ‘alaihi*)

Maksud perkara yang diakadkan ialah barangan yang dibeli oleh pembeli dan dijual oleh penjual. Di dalam rukun ini, terdapat lima syarat yang menentukan jual beli sah atau tidak sah, iaitu:

2.1. Hendaklah barangan yang diperdagangkan itu bersih mengikut syarak. Tidak sah jual beli najis seperti anjing walaupun anjing yang dilatih dan minuman yang memabukkan. Tidak sah juga jual beli barangan yang tidak boleh dibersihkan seperti lemak atau minyak yang terkena najis. Tetapi, sah jual beli barangan yang terkena najis dan boleh dibersihkan seperti kulit binatang yang disamak.

2.2. Hendaklah barangan tersebut mempunyai manfaatnya. Jika barangan yang dijual seperti buku sihir, alat-alat melalaikan, serangga, gambar-gambar yang haram, burung-burung yang tidak boleh dimakan dan binatang buas, maka hukum jual beli barang tersebut tidak sah kerana tidak memberi manfaat kepada pihak tertentu.

2.3. Barangan tersebut boleh diserahkan di dalam akad jual beli. Contoh barangan yang tidak boleh diserahkan di dalam akad ialah

---

<sup>1</sup> Shihabiddien Ahmad bin Muhammad bin Ali bin Hajar al-Haitimi (2020), *Tuhfatul Muhtaj*, jil. 4, Dar Aldeeya, Kuwait, h.349.

seperti menjual burung yang terbang di langit atau menjual ikan yang berada di dalam laut.

2.4. Barangan yang dijual adalah milik si penjual atau barangan yang diwakili oleh pemiliknya. Contohnya menjual kereta yang belum si penjual beli ataupun pemiliknya tidak mewakilkan dia untuk menjual kereta tersebut, maka tidak sah jual beli tersebut.

2.5. Barangan yang dijual adalah diketahui sifatnya dan jumlahnya. Contohnya penjual memiliki dua pakaian dan ingin menjual salah satu pakaian tersebut tanpa menjelaskan sifat pakaian yang ingin dijualnya. Selepas itu pembeli membeli salah satu pakaian tersebut tanpa pengetahuannya, maka jual beli tersebut tidak sah. Jika penjual ingin menjual pakaian tersebut, hendaklah penjual menyatakan jenis, warna dan sifat pakaian tersebut.

### 3. Lafaz (*sighoh*)

Lafaz disini ialah *ijab* bagi pembeli dan *qabul* bagi penjual. Contohnya seperti “saya membeli” yakni bagi lafaz pembeli dan “saya menjual” bagi lafaz penjual. Lafaz ini tidak terbatas di dalam menggunakan perkataan jual atau beli, bahkan boleh juga menggunakan perkataan seperti “aku menjadikan hak milik ini untukmu”.

Di dalam lafaz juga, tidak semestinya didahulukan dengan *ijab* dan dibolehkan untuk penjual melafazkan *qabul* kerana maksudnya serupa. Akan tetapi, harga barangan itu mestilah disebutkan bersama lafaz. Tempoh di antara *ijab* dan *qabul* tidak boleh wujud diam yang lama diantara tempoh *ijab* dan *qabul* seperti “aku menjual” dan di pembeli membalas dalam tempoh yang lama, maka jual beli tersebut batal.

Penggunaan bahasa di dalam lafaz haruslah sama. Jika si pembeli menggunakan Bahasa Melayu di dalam *ijab*nya, maka si penjual mesti juga melafazkan lafaz *qabul* dengan Bahasa Melayu. Disyaratkan juga, di dalam lafaz jual beli hendaklah mempunyai kesepakatan di antara *ijab* dan *qabul*. Lafaz *ijab* dan *qabul* juga tidak sah jika disyaratkan mengikut ketentuan waktu.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Shihabuddin Ahmad bin Muhammad bin Ali bin Hajar al-Haitimi as-Syafi’i (2018), *al-Manhaj al-Qawim*, c. 4, Darul Minhaj, Jeddah, Saudi, h. 495-497.

Manakala, di dalam jual beli emas, ada syarat tambahan yang ditentukan oleh syarak bagi mengelakkan hukum jual beli jatuh menjadi riba. Mengikut Imam an-Nawawi di dalam kitabnya *Minhaj at-Tholibin*, jika jual beli *mal ribawiah* yang sejenis hendaklah memenuhi tiga syarat tambahan, iaitu *al-hulul*, *al-mumathalah* dan *taqabbudh qabl tafarruq*<sup>1</sup>. Maksud sejenis disini seperti emas dengan emas, perak dengan perak atau tamar dengan tamar.

*Al-Hulul* ialah melakukan akad secara berdepanan diantara penjual dan pembeli. *Al-Mumathalah* pula ialah pertukaran jual beli mengikut jenisnya yang sama dari segi beratnya dan nilainya. Manakala *taqabbudh qabl tafarruq* bermaksud penyerahan bagi pertukaran jual beli di dalam akad sebelum bersurai diantara dua pihak.

Di dalam transaksi jual beli *mal ribawiyah* yang bukan sejenis, maka tidak disyaratkan *al-mumathalah*, akan tetapi disyaratkan *al-hulul* dan *taqabbudh qabl tafarruq*. Contohnya pertukaran diantara emas dan perak atau emas dengan tamar. Di dalam pertukaran ini, dibolehkan untuk menambah jumlah diantara dua barangan, akan tetapi hendaklah dilaksanakan di dalam majlis akad yang berdepanan secara bersemuka dan penyerahan hendaklah terjadi sebelum bersurai.

### **Ketetapan Emas Mengikut Syarak**

Jumhur fuqaha bersepakat terdapat 6 jenis barangan yang disebutkan *mal ribawiyah* mengikut riwayat hadith ‘Ubadah bin Shamit *Radiallahu ‘Anhu*. Akan tetapi, para fuqaha berbeza pendapat di dalam menentukan ‘illah selain 6 jenis *mal ribawiyah*. ‘illah yang dimaksudkan ialah mengikut jenis dan ketetapan sukatan atau nilainya. Imam Abu Hanifah berpendapat, ‘illah di dalam *mal ribawiyah* mengikut timbangan dan sukatan. Pendapat ini juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad. Manakala Imam Malik dan Imam Syafi’i berpendapat ‘illah di dalam *mal ribawiyah* berupa mata wang dan makanan. Bagi yang menafikan hukum qiyas seperti Imam Daud az-Zhohiri, beliau hanya berpendapat mengikut zahir hadith tersebut.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Syaraf an-Nawawi (2015), *Minhaj at-Tholibin*, op.cit, h. 213.

<sup>2</sup> Yahya bin Abi al-Khair Salim al-‘Imrani as-Syafi’i al-Yamani (2014M/1435H), *al-Bayan fi Mazhab al-Imam as-Syafi’i*, op.cit, h.162-164. Lihat juga; Wahbah az-Zuhaili (2013M/1434H), *Mausu’ah al-Fiqh al-Islamiy wal Qodhoya al-Mu’asarah*, op.cit.

Dengan itu, jika mengikut pendapat kedua, ketetapan emas adalah berupa mata wang atau bernilai samada dicetak menjadi bentuk syiling atau tidak. (Wahbah az-Zuhaili 2013M/1434H, j4: 473-440) Jika emas itu dibuat dalam bentuk alat perhiasan atau dalam bentuk bijih (belum ditempah), tiada riba padanya. (Muhammad bin Ismail Daud Al-Fatani 2017M, j2: 54) Dr. Syauqi Ibrahim ‘Alam juga berpendapat, jika emas itu berbentuk perhiasan yang berupa cincin, gelang, kalung atau seumpamanya, kerana apabila emas telah terbentuk menjadi perhiasan, sifat emas bertukar menjadi barang dagangan dan tidak termasuk di dalam hukum riba.<sup>1</sup>

Pada dasarnya, jika melakukan aktiviti jual beli emas yang berbentuk jongkong atau syiling emas haruslah mengikut syarat yang telah disebutkan sebelumnya kerana jongkong dan syiling emas mempunyai *‘illah* riba iaitu berbentuk nilai.

## **PENUTUP**

Kesimpulan di dalam kajian ini, jual beli emas mempunyai syarat yang tertentu dan hukumnya boleh jatuh riba jika tidak mengikut syaratnya. Manakala, fuqaha yang berpendapat *‘illah* emas itu berbentuk mata wang atau nilai, telahpun bersepakat tidaklah berlaku riba di dalam perhiasan emas. Dan jika melakukan jual beli emas yang berbentuk jongkong atau syiling, tidak akan menjadi riba jika kadar ketulenan emasnya tidak mencukupi kerana nilainya tidak berkembang.

---

<sup>1</sup> Sulaiman al-‘Anzi (07/Mei/2021), Riyadh,  
<https://www.alwatan.com.sa/article/1075484> [01/06/2021]

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Abdullah bin Abdur Rahman Ba Fadhli al-Hadrami (2017), *al-Muqaddimah al-Hadramiyah*, Darul Minhaj.

Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani (2004M/1425H), *Bulughul Maram Min Adillatil Ahkam*, Indonesia, Dar al-Kutub al-Islamiyah

Al-Hafiz Ibn Kathir al-Qurashi ad-Damsyiki Isma'il bin Umar (2011M/1432H), *Tafsir al-Quran al-'Azhim*, Dar Thoibah, Riyadh

al-Hishni al-Husaini ad-Dimashqi Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad bin Abdul Mukmin (2015), *Kifayatul Akhyar*, Darul Minhaj, Beirut,

Al-'Imrani Abi al-Hussin Yahya bin Abi al-Khair Salim (2014), *al-Bayyan fi al-Mazhab al-Imam as-Syafi'i*, c. 4, Darul Minhaj, Beirut.

Al-Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (2007), *al-Khulasah*, Darul Minhaj, Lubnan Beirut,

Al-Khatib as-Syarbini Shamsiddin Muhammad bin Muhamad (2009), *Mughni al-Muhtaj*, Darul Faiha, Damsyik.

Al-Khatib as-Sharbini Shamsiddin Muhammad bin Ahmad (2015), *al-Iqn'a*, Maktabah Darul Fajr, Beirut

An-Nawawi Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Syaraf (2015), *Minhaj at-Tholibin*, Darul Minhaj, Beirut

Ibn Hajar al-Haitimi Shihabuddin Ahmad bin Muhammad bin Ali (2018), *al-Manhaj al-Qawim*, Darul Minhaj, Jeddah, Saudi.

Ibn Hajar al-Haitimi Shihabiddien Ahmad bin Muhammad bin Ali (2020), *Tuhfatul Muhtaj*, Dar Aldeeya, Kuwait.

Mahmud Syakir (2000M/1421H), *at-Tarikhul al-Islamiy*, Beirut, al-Maktab al-Islamiy.

Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani (2017M), *Matla’ al-Badrain*, Ultimate Print Sdn.Bhd, Selangor, Malaysia.

Noresah bt. Baharom (2015), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahbah az-Zuhaili (2013M/1434H), *Mausu’ah al-Fiqh al-Islamiy wal Qodhoya al-Mu’asarah*, Darul Fikr, Damsyik

Sulaiman al-‘Anzi (2021), Riyadh,  
<https://www.alwatan.com.sa/article/1075484>

<https://www.pelaburanemaspublicgoldmalaysia.com/info-tentang-emas-jenis-ketulenan-dan-kegunaannya/>

<https://www.darulkaustar.net/darulkaustar-net/hadis-online/lanjutan/hadis-sahih/hadis-sahih-tentang-jual-beli-yang-baik-adalah-usaha-yang-paling-terpuji.html>